



D. Y. M. M. BERHAJAT MELIHAT

Badan2 Pemerentahan Bebas
Di-Adakan Di-Brunei

BANDAR BRUNEL.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah di-persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada pagi hari Rabu 26 Ogos, 1964 bahawa ada-lah menjadi hajat Baginda yang sa-benar2-nya untuk melihat supaya Badan2 Pemerentahan yang bebas di-adakan di-Negeri Brunei, yang mana sa-imbang dengan chorak2 demokrasi dengan akal yang sa-habis baik dan lela sehat.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dengan sa-penoh-nya ada-lah di-siarkan di-bawah ini: "Yang Berhormat Dato Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian. Dengan amat sukachita-nya Beta mengambil peluang ini untuk menguchap kepada tuan2 di-Majlis Mashuarat Pertama dari Musim Permashuaratan Ka-Lima Bagi Majlis Mashuarat Negeri dan Beta yakin bahawa tuan2 akan menimbang dengan sa-habis teliti perkara2 yang di-bentangkan di-hadapan tuan2 di-Majlis ini.

Satu daripada sifat yang sa-habis burok dari pakatan jahat T.N.K.U. pada bulan Disember, tahun 1962 ia-lah kengedalaan yang tidak dapat di-elakkan yang di-lakukan oleh mereka terhadap perkembangan yang berjalan dengan lichen bagi mengadakan satu Badan Pemerentahan yang Berdemokrasi di-Brunei.

Kerajaan Beta ingin agar terchapai-nya hasrat ra'ayat Beta untuk memperolehi kemajuan

bagi mengadakan satu Kerajaan yang di-wakili oleh ra'ayat tidak lagi akan tertangguh di-sebabkan oleh chita2 yang terkeliru dari sumpolan Petualang.

Keputusan tidak memasoki Malaysia yang telah di-buat oleh Kerajaan pada tahun yang lepas tidak sekali-kali berniat untuk menafikan kepada ra'ayat Brunei peluang2 bagi menyuarakan perasaan siasah dengan bebas sabagai mana yang di-ni'mati oleh penduduk2 di-negeri yang mengamalkan demokrasi.

CHORAK2 DEMOKRASI

Sebalek-nya ada-lah menjadi hajat Beta yang sa-benar2 untuk melihat supaya di-adakan di-Brunei ini Badan2 Pemerentahan yang bebas yang mana sa-imbang dengan chorak2 demokrasi dengan akal sahabis2 baik dan lela sehat.

Jika sekira-nya Badan2 Pemerentahan yang sedemikian itu hendak di-wujudkan di-Brunei, maka jelas bahawa mesti-lah di-adakan satu tempoh perubahan, dalam waktu mana, ra'ayat Beta akan membiasakan diri mereka untuk mengelolakan Badan2 Berdemokrasi ini.

Sebarang jalan lain yang diambil akan hanya merosakkan kema'amoran Brunei dan kedu-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan masok ka-Dewan Kemasharakatan untuk merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada pagi 26 Ogos, 1964. Di-belakang Baginda (memakai jubah hitam) ia-lah Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Awang Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar.

dokan-nya yang tegoh yang ada pada masa ini dan hanya akan membahayakan dan mengesensarakkan kepada kebanyakan ra'ayat Beta.

Kejadian2 yang berkisar di-dunia ini akan menjadikan perlu dalam masa beberapa tahun yang akan datang untuk membuat keputusan2 yang penting dan besar pengaruh-nya mengenai ke-seluruhan masa hadapan dari segi siasah, ekonomi dan masharakat Brunei.

Ada-lah menjadi hasrat Beta supaya semua orang2 Brunei akan memperolehi peluang untuk menyatakan pandangan2 mereka

sendiri terhadap perkara2 ini dan pendapat mereka menerusi wakil2 mereka yang di-pileh. Dengan memikirkan hal2 ini, maka Beta telah memermentahkan Kerajaan Beta untuk menyediakan shor2 yang sekarang berada di-hadapan Majlis Mashuarat ini.

Akhir-nya Beta menguchapkan moga2 keputusan2 yang di-buat oleh tuan2 akan mendapat segala kejayaan dan Beta perchaya tuan2 akan menggunakan segala pengaruh tuan2 untuk menjamin kerjasama yang sepenoh2-nya dari ra'ayat2 Beta tentang ranchangan2 yang di-shorkan oleh Kerajaan Beta."

SEKOLAH MENENGAH ARAB

BANDAR BRUNEL.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan meletak Batu Asas, Sekolah Arab Menengah Hassanah Bolkih dalam satu upacara yang bersejarah pada tengah hari 24 September, 1964.

Sekolah Menengah Arab tersebut akan di-bena oleh Kerajaan Brunei di-batu 1½ Jalan Brunei-Tutong dan akan memakan perbelanjaan hampir2 dua juta, tiga ratus ribu ringgit.

D. Y. M. M. MERASMIKAN KURSUS UGAMA

SERIA.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama Sa-Negeri Brunei, kali yang ke-tiga di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Ahad 30 Ogos.

Kursus itu di-mulai pada hari tersebut dan akan tamat pada

malam ini. Semasa di-adakan kursus itu, sharahan2 mengenai berbagai2 perkara yang bersangkutan dengan Ugama Islam, kemasharakatan dan lain2-nya diberikan oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis pembukaan rasmi kursus tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat

Mulia Chateria2; Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan para pembesar negara.

Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan satu titah ucapan yang berharga di-majlis tersebut. Terdahulu dari itu di-adakan (Lihat Muka 5).

S. U. KHAS PERTUBOHAN GURU2 SA-DUNIA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Awang William E. Ulrich, Setia Usaha Khas untuk Asia, Pertubohan Guru2 Sa-Dunia (W.C.O.T.P.) telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama beberapa hari baharu2 ini atas jemputan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, sa-lepas beliau menghadiri Kongres Pertubohan Guru2 Sa-Dunia di-Paris.

Semasa lawatan tersebut Awang William Ulrich telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes dan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Beliau telah melawat ka-Sekolah2 Melayu dan Inggeris di-Bandar Brunei; melawat ka-kawasan Padang Minyak Seria dan ka-lain2 tempat yang indah-permai di-Negeri Brunei.

Awang William Ulrich telah di-ra'ikan di-beberapa majlis jamuan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan juga memberi cheramah kepada guru2 dalam negeri ini bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

CHENDERAMATA

Se-bagai satu tanda atas kenangan lawatan-nya ka-Negeri Brunei, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghadiahkan chenderamata kepada Awang William Ulrich, di-satu majlis jamuan yang telah di-hadiri oleh ramai para jemputan dan guru2 sekolah bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Chenderamata tersebut mengandungi kain jong sarat Brunei, berbenang emas dan berwarna merah, tepak rokok perak, sarong guris api dan tempat abok rokok perak serta sa-buah buku mengandungi gambar2 Pembesar2 Brunei, perusahaan2 di-Brunei serta pemandangan2 dalam Negeri Brunei.


Chenderamata tersebut telah

di-sampaikan oleh Pengerusi Tetap, J.K. Tadbir, P.G.G.M.B., Awang Mohamad Husain bin Mohamad Yusof kepada Awang William Ulrich.

Sa-belum beliau berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 22 Ogos, Awang William Ulrich berkata bahawa beliau berasa sukachita menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada Pegawai2 dan ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah

memberikan layanan yang baik kapada-nya pada masa lawatan-nya ka-negeri ini, sambil menegaskan bahawa apabila beliau balek ka-ibu pejabat-nya di-Washington, Amerika Sharikat, beliau akan mengshurkan supaya sa-orang Pegawai yang lain dari Pertubohan Guru2 Sa-Dunia melawat Brunei pada masa akan datang kelak.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa Kongres Pertubohan Guru2 Sa-Dunia kali yang akan datang akan di-adakan di-Addis Ababa, Negeri Habshah dalam bulan Julai, Tahun 1965 dan berharap bahawa Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan dapat menghantarkan Wakil2-nya untuk menghadiri Kongres tersebut.



Gambar2 ini di-ambil di-majlis jamuan dan persembahan tarian2 Brunei Asli yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei baharu2 ini. Majlis itu di-adakan di-bawah anjuran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei untuk meraikan Setia Usaha Khas bagi Asia, Pertubohan Guru2 Sa-Dunia (W.C.O.T.P.), Awang William Ulrich yang telah melawat ka-Negeri Brunei dalam bulan Ogos. Gambar kiri: Awang William Ulrich (kanan) tersenyum sa-lepas menerima chenderamata yang di-bahagikan oleh P.G.G.M.B. kepada beliau. Di-kiri sekali dalam gambar ini ia-lah Pengerusi Tetap, Jawatan Kuasa Tadbir P.G.G.M.B., Awang Mohamed Husain bin Mohamad Yusof yang telah menyampaikan hadiah tersebut kepada Awang William Ulrich dan di-tengah dalam gambar ini ia-lah Setia Usaha, Bahagian Luar Negeri, P.G.G.M.B., Awang Kifli bin Bujang. Gambar kanan ia-lah satu pemandangan para hadirin di-majlis tersebut. Dudok nombor tiga dari kanan di-barisan hadapan ia-lah Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes dan di-hujung kiri sekali ia-lah Awang William Ulrich.

Pembukaan Rasmi Sekolah Melayu Pengiran Kasuma Negara

KAPONG BUKIT BERUANG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Pengiran Kasuma Negara, Kampong Bukit Beruang Daerah Tutong pada pagi 23 Ogos, 1964.

Bangunan sekolah tersebut letak-nya kira2 lima batu dari Pekan Tutong, telah di-bena sa-chara bergotong-royong oleh penduduk2 Kampong Bukit Beruang.

Dalam ucapan-nya di-majlis tersebut, Awang Abdul Ghani telah menguchapkan tahniah kepada penduduk2 tersebut atas

semangat bersatu-padu mereka untuk mendirikan bangunan sekolah di-kampong mereka.

Beliau juga telah menyeru kapada seluroh lapisan ra'ayat di-negeri ini supaya memberikan kerja-sama mereka dalam usaha Kerajaan mengembangkan pelajaran dengan sa-luas2-nya di-negeri ini.

Di-antara yang memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Hashim bin Haji Tahir, se-laku wakil dari Jabatan Pelajaran Negeri Brunei; Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Mohamed Daud bin Serudin dan Ketua Kampong Bukit Beruang, Orang Kaya Jile bin Ibrahim.

Majlis tersebut di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Kadzi Daerah Tutong, Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali.

Latehan Sengkat Guru2 Penolong

BANDAR BRUNEI. — Seramai 110 orang guru2 penolong dari Sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei telah menghadiri satu latehan sengkat bertempat di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada 29 Ogos.

Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Awang Mohamad Husain bin Mohamad Yusof telah merasmikan pembukaan darjah latehan itu di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada pagi hari tersebut.

Sharahan2 berkenaan dengan Ilmu Hisab, Latehan Jasmani dan Permainan, Seni dan Kerja Tangan, Perpustakaan dan lain-nya telah di-berikan oleh beberapa orang pensharah.

Ahli2 Baharu M. M. N.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang ahli2 baharu telah mengangkat sumpah di-Persidangan Majlis Mas-huarat Negeri Brunei pada 26 Ogos, 1964.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dan Awang W. I. Glass.

Menghadhiri Kursus Bandaran Di-K.L.

BERAKAS. — Pengiran Sepiuddin bin Pengiran Sulaiman, Pegawai Penaksir Rumah di-Jabatan Bandaran Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 26 Ogos.

Tujuan pemergian Pengiran Sepiuddin ka-Kuala Lumpur ia-lah untuk menghadiri kursus mengenai hal ehwal bandaran, terutama sekali dalam bahagian chukai pintu.

Beliau akan menghadiri kursus itu selama tiga bulan.

P.B.B.B. Dan K.B.S. Bertemu-Ramah Di-Pantai Tutong

KUALA TUTONG. Persatuan Belia Bandar Brunei telah mengadakan projek bulanan-nya, dengan melangsungkan piknik temu ramah bersama2 dengan Klab Belia Seria, di-Kuala Tutong pada 30 Ogos, lepas.

Hampir2 100 orang, terdiri dari ahli2 kedua badan tersebut telah mengambil bahagian.

Ini ada-lah buat julung2 kali sebarang pertubohan di-Brunei mengadakan projek sa-chara bergabung.

Piknik itu telah membolehkan kedua ahli2 badan itu bertemu ramah dan menambahkan lagi erat persahabatan antara beliau2 di-negeri ini.

Antara achara2 yang telah di-adakan dalam upacara piknik itu termasuklah perlumbaan menhari harta yang di-anjorkan oleh rombongan Bandar Brunei, pertunjukan tarian2, dan persembahan nyanyian yang telah di-persembahkan oleh kedua2 pihak.

Upacara piknik gabungan kedua2 pertubohan dari Bandar Brunei dan Seria itu telah berakhir hingga lewat petang hari itu dengan meriah-nya.

18 Orang Pegawai2 Dan Anggota Bomba Brunei

DAPAT HADIAH PINGAT2 DAN SIJIL2 PALANG MERAH

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Palang Merah Brunei, Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim telah menyampaikan Pingat2 Palang Merah dan Sijil2 kepada 18 orang Pegawai2 dan anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei ia-itu 17 orang Melayu dan sa-orang India, yang telah tamat menghadiri kursus pertolongan chemas selama 10 minggu.

Upacara tersebut telah diadakan di-Balai Bomba Brunei pada petang hari Isnin 24 Ogos. Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Pemangku Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, Awang A.J.W. Slater; Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor P.I. Franks; Dayang J. Mundell, sa-orang Pegawai Luar dari Ibu Pejabat Palang Merah di-United Kingdom dan beberapa orang yang lain.

Awang Isa telah tiba di-Balai Bomba Brunei tepat pada pukul 3 petang, sebagai-mana yang telah di-tetapkan, dan di-sambut oleh Pengawal Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei, Awang Lam Soo Man.

Kemudian beliau telah memeriksa satu Barisan Kehormatan dan menyaksikan satu pertunjukan pertolongan chemas yang telah di-adakan di-halaman Balai Bomba itu.

Sa-lepas itu Awang Isa pun menyampaikan Pingat2 Palang Merah dan Sijil2 kepada Pegawai2 dan anggota2 Pasokan Perkhidmatan Bomba Brunei yang berkenaan.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Isa telah mengucapkan tahniah kepada delapan belas orang Pegawai2 dan anggota2 Pasokan Perkhidmatan Bomba Brunei yang telah tamat menghadiri kursus pertolongan chemas.

Beliau juga telah memuji Pasokan Perkhidmatan Bomba Brunei kerana semua orang yang menjalani kursus tersebut telah lulus dalam ujian2 yang telah di-adakan itu.

Awang Isa tidak juga ketinggalan mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada Perkhidmatan Bomba Brunei yang telah sudi

menjemput beliau untuk menyampaikan Pingat2 dan Sijil2 Palang Merah kepada Pegawai2 dan anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei yang berkenaan.

Awang Isa tegaskan lagi bahawa itu-lah kali yang pertama kursus pertolongan chemas di-adakan di-Balai Bomba Brunei dan kesemua "penuntut2" yang menghadiri kursus tersebut telah lulus dalam ujian yang telah di-adakan itu.

KEJAYAAN

"Ini ada-lah berupa satu kejayaan yang chemerlang," kata Awang Isa, sambil beliau berharap agar-nya chontoh itu akan diikuti oleh lain2 orang.

Selanjut-nya beliau telah mengucapkan terima kasih bagi pihak Persekutuan Palang Merah Brunei, kepada Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Yang Berhormat Doktor P.I. Franks; Dayang J. Mundell dari Ibu Pejabat Palang Merah, United Kingdom dan kepada lain2 orang yang telah bekerjasama melatoh Pegawai2 dan anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei dalam ba-

hagian pertolongan chemas.

Kemudian Awang Isa dan para jemputan telah di-bawa melihat kereta2 bomba dan bangunan Balai Bomba yang baharu sahaja di-bena itu.

Majlis itu bersurai sa-lepas di-adakan satu majlis jamuan di-bangunan Balai Bomba Brunei.

Pegawai2 dan Anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei yang telah lulus dalam kursus pertolongan chemas tersebut ada-lah seperti di-bawah ini.

S.O. Awangku Daudin bin Pengiran Haji Tengah, A.S.O. Daud bin Shawal, A.S.O. Md. Yusof bin Ibrahim.

FN Md. Yusof bin Lamat. FN. Mohiddin bin Momin. FN. Awangku Mahmud bin Pengiran Yusof. FN. Arshad bin Bujang, FN. Sulaiman bin Mohd, FN. Suhaili bin Haji Metussin, FN. Mohd. Zain bin Idris.

FN. Abdul Rahman bin Ismail, FN. Anthony Samy, FN. Md. Yusof bin Ibrahim. FN. Abdul Jalil bin Mulkiaman, FN. Sa'at bin Arshad, FN. Omar bin Karim, FN. Ali bin Metussin dan FN. Saban bin Md. Daud.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut adalah seperti berikut :

Hari Juma'at 4 September : Dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari. — Masjid Kupang, Batu 15, Jalan Tutong dan dari pukul 11.30 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Hari Juma'at 11 September : Dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — Masjid Layong, Tutong dan dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang — Kampong Burong Pingai, Berakas.

Hari Juma'at 18 September : Dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — Masjid Kuala Balai, Ulu Belait dan dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang — Kampong Sungai Kedayan "A".

Hari Juma'at 25 September : Dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — Masjid Berbung, Daerah Temburong dan dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang — Sekolah Melayu Bunut, Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput ka-tempat2 tersebut untuk mendengar sharahan2 mengenai Ugama Islam kita yang Maha Suci pada tarikh dan masa yang telah di-tetapkan oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei.

PAKAR-PAKAR P. B. B. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Lima orang pakar2 dari Ibu Pejabat Surohanya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu di-Bangkok, Thailand telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada petang 24 Ogos, 1964 atas jemputan Kerajaan Brunei untuk menasehatkan Kerajaan Brunei dalam berbagai2 perkara.

Beliau2 itu ia-lah Doktor C.Y. Li, Awang John S. Hubley; Awang J.T. Shen; Awang Vasudev Ke Pai dan Awang V. Kandaswamy.

Doktor Li, Awang Hubley, Awang Shen dan Awang Pai telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Sharikat Penerbangan Malaysia dari Singapura, manakala Awang Kandaswamy telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Sharikat Penerbangan Cathay dari Manila.

Mereka telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei oleh Penguasa Pengawal Talikom Negara, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed; Timbalan Jurutera Negara, Brunei, Awang Talib bin Derwish dan Penasihat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould.

Doktor Li, Awang Hubley dan Awang Shen akan menasehatkan Kerajaan Brunei dalam bidang kegunaan gas.

Awang Pai akan menasehatkan Kerajaan dalam hal ehwal talikom.

Awang Kandaswamy pula akan menasehatkan Kerajaan mengenai ranchangan pembangunan bandar.



Satu majlis untuk menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kepada 15 orang pelajar2 bukan Melayu yang telah lulus dalam Peperiksaan Tingkatan III, Tahun 1963 telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei baharu2 ini. Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusof, iktu isteri Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Gambar ini di-gambil sa-lepas di-adakan upacara menyampaikan Sijil2 tersebut. Sa-orang daripada pelajar2 yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut telah tidak dapat hadir di-majlis itu. Dudok nombor empat dari kanan ia-lah Chegu Awang Ahmad bin Kadi, Guru para pelajar tersebut. Gambar Universal Photo Studio, Brunei.

PERADUAN RATU KEBAYA DAN PAKAIAN BERAGAM

KUALA BELAIT. — Peraduan2 Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam akan di-adakan di-Kuala Belait, sebagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, pada malam 26 September, 1964.

Peraduan Ratu Kebaya itu adalah terbuka kepada perempuan2 di-Daerah Belait yang berumur 16 tahun ka-atas, manakala Pera-

duan Pakaian Beragam pula terbuka kepada lelaki dewasa di-Daerah Belait sahaja.

Penduduk2 di-Daerah Belait yang ingin hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut di-persilakan membuat perhubungan sabarapa segera dengan Awang Mohiddin bin Abdul Kadir, Setia Usaha peraduan2 tersebut, d/a Pejabat Kastam Diraja, Kuala Belait.

So'alan2 Dan Jawapan2 Bertulis Di-Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-jumlah 17 so'alan bertulis telah dikemukakan oleh lima orang ahli2 yang di-lantek Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada petang hari Rabu 26 Ogos, 1964.

Yang Berhormat Awang R.D. Ross telah mengemukakan 8 so'alan, Yang Berhormat Awang Haji Marusin bin Abdullah telah mengemukakan 3 so'alan, Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal telah mengemukakan 3 so'alan, Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun telah mengemukakan 2 so'alan dan Yang Berhormat Awang Haji Ghazali bin Umar telah mengemukakan satu so'alan.

SO'ALAN2 OLEH YANG BERHORMAT AWANG R.D. ROSS: GURKHA UNTUK PASOKAN PULIS

SO'ALAN 1. Ada-kah Kerajaan sedang menimbangkan pengambilan bekerja anggota Gurkha (yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka) untuk Pasokan2 Pulis Brunei/Keselamatan, dan jika sademikian, apa-kah kedudukan masa ini mengenai perundingan?

JAWAPAN 1: Perkara ini masih dalam pertimbangan.

PEJABAT BRUNEI DI-LONDON

SO'ALAN 2. Ada-kah Kerajaan akan menimbangkan bagi memiliki sebuah Pejabat Baharu di-London, di-tingkat bawah, dengan mempunyai tempat pertunjukan yang boleh digunakan sebagai (i) Pejabat (ii) Pusat Pamiran (umpama Pelancongan, gambar2 pemandangan kehidupan di-Brunei dan lain2-nya) dan (iii) tempat perjumpaan bagi penuntut2 dan pelawat serta lain2-nya (serupa dengan Pejabat Baharu yang di-buka baharu2 ini oleh Kerajaan Hong Kong di-London)?

JAWAPAN 2: Pada masa ini Kerajaan belum berniat akan menubuhkan sa-buah Pejabat Baharu di-London.

BANGUNAN KELAB BELIA

SO'ALAN 3: Bila-kah bangunan Kelab Belia akan di-bena dan ada-kah kaki-tangan2 yang layak menguruskan-nya sedang di-amal?

JAWAPAN 3: Suatu tapak tanah telah pun di-pilih dan sa-orang akitek telah di-tugaskan untuk menyediakan pelan2 dan taksiran2. Apabila siap bangunan itu, maka kaki-tangan2 yang layak akan di-amal bekerja.

PELANCONGAN

SO'ALAN 4: Apa-kah yang sedang di-lakukan tentang penubuhan sa-buah Lembaga Pelancongan dan ada-kah kaki-tangan2 yang perlu sedang di-amal bekerja?

JAWAPAN 4: Kerajaan Brunei telah memohon kepada Pertubuhan Bangsa2 Bersatu bagi mendapatkan perkhidmatan seorang Pakar dalam hal pelancongan dan persetujuan telah pun di-chapai — hanya menunggu ketibaan Pakar tersebut sahaja. Sehingga Pakar tersebut dapat di-datangkan, maka Kerajaan Brunei belum dapat membuat sa-satu ketetapan yang muktamad.

PULIS TAMBAHAN DAN TENTERA WATANIAH

SO'ALAN 5: Ada-kah Kerajaan akan menimbangkan bagi penubuhan Pasokan Pulis Tambahan dan Tentera Wataniah (termasuk Pasokan Kadet di-Sekolah2) agar satu Pasokan Simpunan yang terlatih akan siap berada sa-kira-nya di-perlu?

JAWAPAN 5: Pasokan Pulis Khas sudah pun ada, jika perlu akan di-timbangkan membesarkannya. Tentera Wataniah akan di-timbangkan mengenai Kadet2 di-Sekolah2, perkara ini Kerajaan ingin mengkaji kemungkinan menubuhkan di-Sekolah2 yang di-fikirkan patut mengadakan Pasokan Kadet.

SEKOLAH2 MISI

SO'ALAN 6: Apa-kah bantuan yang sedang di-lakukan oleh Kerajaan terhadap Sekolah2 Misi, oleh

kerana Sekolah2 itu ada-lah memenuhi ruangan yang penting dalam lapangan Pelajaran Negeri Brunei?

JAWAPAN 6: Berdasarkan hakikat bahawa Sekolah2 Misi di-segi keugamaan ada-lah bertentangan dengan dasar Ugama Islam, maka keputusan Kerajaan tidak memberi bantuan kepada Sekolah2 Misi di-Negeri Brunei ada-lah muktamad.

BEKALAN AYER

SO'ALAN 7: Apa-kah langkah2 yang sedang di-amal oleh Kerajaan untuk menjamin bahawa bekalan2 ayer yang sechukop2-nya akan dapat di-adakan, oleh kerana Tasek harus tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak tambahan yang di-jangka berlaku dalam masa yang tidak beberapa lama lagi?

JAWAPAN 7: Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji bekalan2 ayer bagi seluruh negeri.

PELAJARAN TEKNIK

SO'ALAN 8: Apa-kah yang sedang di-buat tentang penubuhan Maktab Teknik untuk Pertanian, Perikanan dan lain2-nya dan juga jurusan2 mekanik dan bangunan, dan bila-kah langkah akan di-jalankan?

JAWAPAN 8: Suatu tapak tanah bagi sa-buah Maktab Pertanian telah pun di-pilih. Penubuhan sa-buah Jabatan Perikanan masih sedang di-pertimbangkan. Sa-orang Pegawai Latehan Pekerjaan Istimewa telah baharu2 ini di-amal bekerja dan penubuhan sa-buah Sekolah Latehan Pekerjaan Istimewa ada-lah satu perkara yang sedang di-beri perhatian yang penting.

SO'ALAN2 OLEH YANG BERHORMAT AWANG HAJI MERUSIN BIN ABDULLAH: MENGAWASI JALAN SERIA/BELAIT

SO'ALAN 1: Sekarang jalan raya dari Istana Kota Mangalela hingga ka-Kuala Belait ada-lah kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, maka barang sudah tentu akan mendatangkan beberapa kesulitan bagi menhadangkan sa-satu perkara untuk memperbaiki dan memperelok di atas jalan raya yang bukan di-ampunai oleh Kerajaan. Jalan raya lalu lintas orang ramai yang di-dalam kawasan Lembaga Bandar itu bukan-lah kewajiban Kerajaan yang membaiki dan memelihara-nya supaya keadaan-nya sentiasa dalam baik. Oleh yang demikian, tidak-kah patut Kerajaan mengambil jalan raya itu untuk mengawasi-nya?

JAWAPAN 1: Jalan raya yang di-maksudkan itu masih lagi kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan oleh itu, Kerajaan tidak-lah dapat mengawasi serta membaiki dan memelihara-nya. Walau bagaimanapun, perundingan2 sedang di-jalankan antara Kerajaan dengan pihak Shell dan apabila persetujuan telah tercapai mengenai so'alan jalan tersebut, maka baharu-lah penentuan pentadbiran jalan itu dapat di-atorakan.

DEWAN KEMASHARAKATAN DI-KUALA BELAIT

SO'ALAN 2: Tidak-kah boleh bagi Kerajaan mengadakan sa-buah Dewan Kemasharakatan di-Kuala Belait supaya mendatangkan munafa'at

kapada perkhidmatan masyarakat dan akan mengharumkan serta memperkenalkan nama Negeri Brunei supaya memberi kemudahan2 bagi mengendalikannya berbagai2 sambutan2 atau perayaan2 masyarakat yang sedang berkembang dan bagi menolong orang2 yang tidak mempunyai tempat atau kawasan bagi mengadakan sambutan2 atau perayaan2 itu?

JAWAPAN 2: Peruntukan wang untuk Dewan Kemasharakatan ada di-utangkan di-dalam Rancangan Kemajuan Negara, tetapi belum-lah lagi dapat di-bena-nya oleh kerana mustahak di-segerakan lain2 rancangan yang lebih bermunafa'at kepada penduduk2 Daerah Belait.

Kemudahan2 bagi mengadakan sambutan atau perayaan2 boleh-lah di-adakan di-Dewan Bachaah, Jabatan Penyariran dan Penerangan, Kuala Belait; Dewan Maktab Anthony Abell, Seria; dan Dewan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

BEKALAN GAS

SO'ALAN 3: Oleh kerana di-mana2 kawasan di-Kuala Belait dan di-Seria telah mendapat kemudahan2 bekalan gas, tetapi untuk penduduk2 dari batu 1 $\frac{1}{2}$ hingga ka-batu 4 Jalan Seria/Belait belum lagi di-adakan, oleh yang demikian, tidak-kah boleh Kerajaan mempertimbangkan pemasangan saloran gas itu untuk kemudahan2 bagi penduduk2 yang tinggal di-sepanjang jalan raya itu?

JAWAPAN 3: Perundingan antara Kerajaan dengan pihak Shell mengenai bekalan gas dari batu 1 $\frac{1}{2}$ hingga ka-batu 4, Jalan Seria/Belait telah pun selesai, dan ada-lah diharapkan bahawa saloran gas ka-tempat2 yang tersebut akan dapat di-pasang dalam masa yang tidak beberapa lama lagi.

SO'ALAN2 OLEH YANG BERHORMAT AWANG ARSHAD BIN MARSAL: KEBOLEHAN RA'AYAT

SO'ALAN 1: Apa-kah langkah yang akan di-buat oleh Kerajaan ia-itu mengenai kebolehan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sama-ada ra'ayat jati atau yang berdaftar yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan ia-itu seperti:—

(a) Yang mempunyai DEGREE Seberang Laut?

(b) Yang mempunyai DIPLOMA Seberang Laut?

(c) Yang sudah bekerja, mempunyai pengalaman dan boleh pula memegang sa-satu jawatan yang telah di-kosongkan atau yang kosong?

JAWAPAN 1: Ada-lah menjadi dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memberi peluang bagi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia sama-ada ra'ayat jati, atau ra'ayat sechura pendaftaran bagi menjawat jawatan tertinggi dalam Pentadbiran Kerajaan Brunei sa-kira-nya mereka itu mempunyai kelayakan2 dan berkebolehan yang di-sebutkan dalam so'alan Ahli Yang Berhormat itu.

Tetapi, sa-belum sa-saorang Pegawai yang mempunyai kelayakan dan berkebolehan dapat menjawat jawatan2 yang penting, maka mereka itu terpaksa-lah di-beri latehan yang sechukop-nya bagi memperoleh pengalaman.

Sa-telah mereka itu cukup terlatih dan di-fikirkan layak dan berkebolehan serta cekap untuk memikul bebanan yang berat itu, maka mereka itu akan di-lantek memenuhi jawatan2 yang sewajarnya.

Tujuan Kerajaan ia-lah supaya segala jawatan2 dalam Pentadbiran Negeri Brunei akan di-penuhi oleh ra'ayat2 Duli Yang Maha Mulia apabila tiba masa-nya seberapa boleh yang dapat.

PERBUROHAN

SO'ALAN 2: Apa-kah langkah yang akan di-buat oleh Kerajaan mengenai susunan perburuhan dan tangga gaji bagi pekerja2-nya yang sedang berkhidmat ia-itu seperti:—

(a) Buroh kasar (Proletar). (b)

Kerani2 (BUROH PENA) dan (c) Ahli2 teknik?

JAWAPAN 2: Susunan perburuhan dan tangga gaji bagi pekerja2 perburuhan Kerajaan sama-ada buroh kasar, kerani2 atau ahli2 teknik, sememangnya telah ada semenjak beberapa tahun yang lampau.

Gaji2 yang di-bayar kepada pekerja2 Kerajaan pada masa ini boleh-lah di-katakan lebih baik berbanding dengan tangga gaji yang di-pakai di-negeri2 yang berjinjak dengan kita.

PENGANGGARAN

SO'ALAN 3: Apa-kah langkah dan pertolongan yang akan di-buat oleh Kerajaan mengenai kaum2 buroh yang menganggor, sedangkan mereka itu mahu bekerja dan telah pun mendaftarkan diri mereka di-Pejabat Buroh Kerajaan?

JAWAPAN 3: Langkah2 bagi memberi pertolongan kepada penganggor2 untuk mendapatkan kerja2 telah di-jalankan oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu dari sebelum tertubuh-nya Jabatan Buroh.

Langkah yang ke-dua bagi melicinkan usaha pada memberi pekerjaan kepada ra'ayat yang menganggor ia-lah dengan menubuhkan Jabatan Buroh.

Tiap2 ra'ayat yang tidak mempunyai pekerjaan dan memohon untuk mendapatkan pekerjaan, maka mereka boleh-lah mendaftarkan nama di-Pejabat Pertukaran Buroh di-mana apabila ada kekosongan, mereka akan di-tawarkan untuk bekerja. Tetapi malang-nya, kebanyakan dari mereka yang mendaftar nama itu, memilih pekerjaan2 yang sesuai bagi kehendak mereka, maka dengan sebab itu, mereka, maka dengan sebab itu, telah di-dapati banyak diantara mereka itu tidak dapat menerima tawaran2 yang di-buat kepada mereka. Ini sudah tentu menimbulkan kesulitan bagi pihak Kerajaan untuk memenuhi kehendak2 mereka itu.

SO'ALAN2 OLEH YANG BERHORMAT AWANG ARIFF BIN MUJUN:

PEMBENAAAN RUMAH

SO'ALAN 1: Boleh-kah Kerajaan mengadakan kawasan tanah luar bandar bertempat di-Kuala Belait untuk penduduk2 Kuala Belait kepada siapa2 yang suka dan menyediakan lot2 tanah yang kira2 satu ekar sa-tengah pada satu lot, supaya memberi peluang kepada mereka yang tiada mampu membeli tanah dan tiada mampu mengikut kemajuan perkembangan bangunan tetapi mampu membena rumah kediaman yang murah dan mampu melakukan perusahaan berternak ayam, bertanam buah2an supaya memajukan taraf kehidupan mereka bagi masa sekarang dan masa hadapan?

JAWAPAN 1: Jika maksud so'alan ini ia-lah supaya Kerajaan mengadakan tanah di-Kuala Belait bagi penduduk2 Kuala Belait, maka barang sudah tentu kesulitan besar akan timbul, kerana tanah kepunyaan mereka di-Kuala Belait akan terbiar dan tidak di-usahakan sebab mereka itu tinggal di-Kuala Belait.

Sebaliknya, jika maksud Ahli Yang Berhormat ia-lah supaya Kerajaan mengadakan dan menyediakan lot2 tanah Kerajaan di-Mukim Kuala Belait, maka perkara ini akan di-pertimbangkan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dengan syarat mereka itu benar2 hendak berusaha.

JALAN RAYA DI-KUALA BALAI

SO'ALAN 2: Boleh-kah Kerajaan mengadakan Jalan Raya dari Mung menguji ka-Kuala Belait?

Bahawa, dengan ada-nya Jalan Raya itu nanti, dapat ra'ayat membuka perusahaan pertanian dan ini akan menambahkan lagi perkeluaran makanan untuk ra'ayat yang sedang berkembang, dan akan mengurangkan lagi kemasokan Barang Makanan dari luar negeri. Sa-lain dari itu akan

(Lihat Muka 5)

Majlis Mashuarat Negeri Brunei Meluluskan 2 Usul Dan 2 Rang Undang2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah bersidang di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei selama dua hari, pada 26 dan 27 Ogos, 1964 telah meluluskan 2 Usul dan 2 Rang Undang2.

28 SO'ALAN2 MULUT DI-JAWAB OLEH KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 26 Ogos, 1964 sa-banyak 28 soalan2 mulut telah di-kemukakan oleh tiga orang ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek.

Soalan2 mereka telah mendapat penjelasan dari pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali dalam memberikan jawapan telah berkata kerajaan ada-lah sentiasa memberi pertimbangan untuk memusit mana2 tanah kerajaan kalau tanah2 itu benar2 di-gunakan bagi faedah2 yang baik.

Kerajaan sedang berusaha untuk melayani permohonan2 lama dan baru dari orang2 kampung kata beliau.

Pemangku Pesuruhjaya Perkembangan, Yang Berhormat Awang John Lee dalam memberikan jawapan-nya berkata pula bahawa rancangan-nya yang telah di-laksanakan termasuklah 50 batang jalan2 raya kampung, beberapa buah perigi, enam buah sekolah, mesjid2 di-Tutong dan Temburong.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Yang Berhormat Awang MacInnes pula menjawab bahawa sekolah2 Melayu di-negeri ini ada-lah Sekolah2 Kebangsaan. Mata pelajaran-nya ada-lah sama dengan sekolah2 kebangsaan di-negeri2 lain.

Tentang penuntut2 di-London beliau telah memberitahu ada-lah sa-ramai 74 orang, di-Australia 9 orang, di-Canada lima orang, dan di-lain2 tempat 72 orang. Jumlah-nya 160 orang.

Pertandingan Bintang Suara Keputeraan

KUALA BELAIT. — Penyan-nyai2 lelaki dan perempuan, berumur 14 tahun ka-atas, yang tinggal dalam kawasan Kuala Belait dan Seria ada-lah di-jemput mengambil bahagian dalam pertandingan Bintang Suara Keputeraan.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-Kuala Belait pada malam 27 September, sebagai suatu acara dalam perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Menurut satu daripada syarat2 pertandingan tersebut, Pemenang2 pertama, kedua dan ketiga dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei, peringkat Negeri dan Daerah tidak akan di-terima masuk bertanding.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, ada-lah di-minta mendaftarkan nama dengan segera kepada Setia Usaha, Pertandingan Bintang Suara Keputeraan, d/a Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait, sa-belum 11 September, 1964.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-atas keberangkatan Baginda ka-Majlis ini pada hari ini dan di-atas titah Baginda yang Majlis ini menjunjung dengan sa-penoh2-nya".

Majlis telah bersetuju dengan sa-bulat suara terhadap Usul itu.

Usul yang ke-dua berbunyi bahawa, Majlis tersebut bersetuju dan meluluskan shur2 Perkembangan Perlembagaan Negeri Brunei.

Sa-telah di-adakan berbaha-athan, 32 orang bersetuju dan 3 orang tidak bersetuju terhadap Usul tersebut.

Rang Undang2 yang telah di-luluskan di-Majlis tersebut, ia-lah "Undang2 Bea (Pindaan) 1964" dan "Undang2 Pendaftaran Kebangsaan, 1964".

SO'AL-JAWAB BERTULIS DI-PERSIDANGAN M. M. N.

(Dari Muka 4).

menghubungkan kampung2 yang jauh menjadi dekat, tetapi juga membuka kawasan2 baharu di-sapanjang jalan raya itu untuk kemajuan.

JAWAPAN 2: Pembinaan jalan2 raya telah ada di-dalam Rancangan Kemajuan dan Perkembangan. Manakala di-dapati tanah2 yang di-sapanjang kawasan dari Mu-mong ka-Kuala Balai benar2 subur bagi menjalankan usaha pertanian yang memberi hasil pengeluaran ma-kanan kepada ra'ayat dan dapat mengurangkan kemasokkan barang2 makanan dari luar negeri maka Rancangan Jalan Raya itu boleh-lah di-tingkatkan oleh Jabatan Kemajuan.

SO'ALAN OLEH YANG BERHORMAT AWANG HAJI GHAZALI BIN UMAR:

PELAJARAN
SO'ALAN 1: Berapa-kah banyak kanak2 yang telah tamat di-dalam peperiksaan Sekolah Inggeris pada tiap2 hujung tahun dan tiap2 darjah?

JAWAPAN 1: Bilangan penun-tut2 yang telah tamat peperiksaan di-Sekolah2 Inggeris bagi tiap darjah pada tiap2 penghujung tahun ada-lah seperti berikut:

Peperiksaan Masok Darjah Mene-ngh: Maktab S.O.A.S., 1961 32 orang. 1962 — 97 orang dan 1963 — 166 orang. Sekolah Tinggi Perem-puan Raja Isteri, 1961 — 14 orang. 1962 — 49 orang dan 1963 — 34 orang. Sekolah Saint Andrew, 1961 — 20 orang. 1962 — 34 orang dan 1963 — 27 orang. Maktab Anthony Abell, 1961 — 39 orang. 1962 — 80 orang dan 1963 — 107 orang. Seko-lah Saint Michael, 1961 — 44 orang. 1962 — 42 orang dan 1963 — 48 orang. Sekolah Saint Margaret, 1961 — 58 orang. 1962 — 57 orang dan 1963 — 58 orang. Sekolah Saint George, 1961 — 18 orang. 1962 — 15 orang dan 1963 — 19 orang. Seko-lah Saint John, 1961 — 30 orang. 1962 — 30 orang dan 1963 — 21 orang. Sekolah Saint James, 1963 — 19 orang. Sekolah St. Angela, 1961 — 51 orang. 1962 — 87 orang dan 1963 — 69 orang.

Jumlah semua sekolah tersebut. Tahun 1961 — 306 orang. Tahun 1962 — 471 orang dan Tahun 1963 — 549 orang.

Peperiksaan Sijil Persekolahan Menengah Rendah Sarawak dan Peperik-saan Sijil Rendah Pelajaran: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, 1959 — 14 orang. 1960 — 25 orang. 1961 — 32 orang. 1962 — 23 orang dan 1963 — 50 orang. Maktab Anthony Abell, 1959 — 11 orang. 1960 — 48 orang. 1961 — 38 orang. 1962 —

24 orang dan 1963 — 33 orang. Seko-lah Tinggi Perempuan Raja Isteri, 1959 — 8 orang. 1960 — 10 orang. 1961 — 13 orang. 1962 — 16 orang dan 1963 — 12 orang. Sekolah Saint Margaret, 1962 — 17 orang dan 1963 — 21 orang. Sekolah Saint Michael, 1959 — 20 orang. 1960 — 28 orang. 1961 — 29 orang. 1962 — 45 orang dan 1963 — 32 orang. Sekolah Saint Angela, 1959 — 12 orang. 1960 — 23 orang. 1961 — 21 orang. 1962 — 21 orang dan 1963 — 23 orang. Seko-lah Saint Andrew, 1962 — 12 orang dan 1963 — 14 orang.

Jumlah semua sekolah2 tersebut: Tahun 1959 — 65 orang. Tahun 1960 — 134 orang. Tahun 1961 — 133 orang. Tahun 1962 — 158 orang dan Tahun 1963 — 185 orang.

Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, 1959 — 18 orang. 1960 — 22 orang. 1961 — 11 orang. 1962 — 19 orang dan 1963 — 16 orang. Maktab Anthony Abell, 1960 — 8 orang. 1961 — 5 orang. 1962 — 16 orang dan 1963 — 15 orang. Sekolah Saint Michael, 1959 — 9 orang. 1960 — 18 orang. 1961 — 13 orang. 1962 — 10 orang dan 1963 — 14 orang. Sekolah Saint Angela, 1961 — 8 orang. 1962 — 9 orang dan 1963 — 13 orang.

Jumlah semua sekolah2 tersebut: Tahun 1959 — 27 orang. Tahun 1960 — 48 orang. Tahun 1961 — 37 orang. Tahun 1962 — 53 orang dan Tahun 1963 — 58 orang.

Peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Tahun 1961 — 3 orang. Tahun 1962 — 10 orang dan Tahun 1963 — 2 orang.

TIMBALAN M. B. MELAWAT PERKHEMAHAN A. M. B.

BERAKAS. — Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud telah mengadakan lawatan sambil melihat2 ka-Perkhemahan Askar Melayu Brunei di-Berakas, pada 29 Ogos lepas.

Beliau, dengan di-temani oleh Awang Mohammad Taib bin Awang Besar, Penolong Setiausaha Kerajaan, telah melawat tapak2 tempat rumah sakit, kantin, dan perumahan2 askar bujukan dan yang berkeluarga.

Pemerintah Askar Melayu Brunei, Colonel Fletcher, yang memimpin lawatan tersebut, berkata bahawa ten-tera2 Brunei sekarang ini mengambil bahagian chergas dalam tugas2 kesela-matan.

Mereka bertugas bersama2 dengan askar2 British yang di-tempatkan di-

PERADUAN2 RATU KEBAYA DAN PAKAIAN BERAGAM

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-jemput untuk memasuki peraduan Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam (untuk laki2 sahaja) yang akan di-adakan pada Malam Aneka Warna di-Padang Besar Bandar Brunei dalam bulan ini.

Mereka yang akan memasuki peraduan itu boleh-lah berhu-bong dengan Pengerusi Jawatan Kuasa Peraduan Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam, Dayangku Intan binte Pg. Hj. Apong d/a Radio Brunei, Bandar Brunei.

Ini ada-lah salah satu acara2 untuk perayaan2 sambutan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini.

Malam Gembira + P.P.B. Di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Ango-gota2 Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang pada masa ini berchuti di-Tanah Ayer akan mempersembahkan Malam Gembira di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 4 dan 5 September, 1964.

Persembahan itu akan di-mulai pada pukul 7.30 malam tiap2 hari tersebut dan tiket2 untuk menonton temasha itu akan di-jual di-Dewan Kemasharakatan sa-belum persembahan itu di-mulai.

KURSUS UGAMA

(Dari Muka 1).

bachaaan Al-Koran oleh Chegu Abdullah Lakim dan di-turuti dengan ucapan oleh Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Majlis itu di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat oleh Mufti Brunei, Sahibul Fadhillah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Brunei, tetapi dalam beberapa tempat mereka menunaikan tugas sa-chara bersendirian.

Kekuatan Askar Melayu Brunei masch lagi kurang, tetapi kerahan untuk mengambil bakal2 askar baharu, sekarang ini di-jalankan untuk mengatasi kekurangan tersebut.

Colonel Fletcher menambah kata pengambilan itu ada-lah memuaskan, dan bilangan pemuda2 yang tampil untuk mendaftarkan nama ada-lah lebih dari yang telah di-uji.

PENDAFTARAN PERSATUAN BAKTI DI-SAHKAN

Bahasa Rasmi-nya—Bahasa Melayu Ugama Rasmi-nya—Ugama Islam

KAMPONG PEKAN LAMA. — Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei — demikian-lah nama-nya sa-buah pertubuhan belia yang berpusat di-Kampung Sultan Lama, Brunei. Pendaftaran BAKTI telah di-luluskan oleh pihak yang berkuasa baharu2 ini.

BAHASA RASMI pertubuhan tersebut ia-lah BAHASA MELAYU, manakala UGAMA ISLAM menjadi UGAMA RASMI yang di-amalkan oleh ahli2 BAKTI.

BAKTI mempunyai tiga dasar yang besar, ia-itu: Sosial, Kesenian dan Kebudayaan, serta Pelajaran dan Persuratan.

Dalam Bahagian Sosial, antaranya, BAKTI akan menghidupkan perasaan bekerja-sama dan mengamalkan dasar bergotong royong, berusaha untuk memberikan derma suka dan duka serta kebajikan berusaha dalam mutu olah-raga dan lain2-nya.

Dalam Bahagian Kesenian dan Kebudayaan pula, antaranya, BAKTI akan menyuburkan rasa cinta ahli2 persatuan itu terhadap kesenian dan kebudayaan BANGSA MELAYU, mengadakan pasokan2 yang bertujuan untuk kebajikan seperti mengadakan pasokan hadzrah dan sebagainya.

Dalam Bahagian Pelajaran dan Persuratan, antara-nya, BAKTI akan menjalankan daya-utama bagi MEMBENTERAS BUTA HURUF serta mendalami pelajajaran dalam UGAMA ISLAM.

Persatuan tersebut akan menerima pemuda-pemudi dari Kampung Pekan Lama dan Kampung Setia Negara, Brunei serta dari lain2 kampung menjadi ahli2-nya.

Yuran masuk ia-lah \$2 dan yuran bulanan ia-lah 50 sen sa-saorang. Penuntut2 yang berhajat hendak menjadi ahli persatuan tersebut hanya di-kenakan yuran masuk sebanyak \$2 sahaja dan yuran bulanan tidak akan di-kenakan.

Orang2 yang berhajat hendak menjadi ahli2 BAKTI, di-persilakan membuat perhubungan dengan Setia Usaha Agong BAKTI, Awangku Badarudin bin Pengiran Haji Damit, d/a Kampung Pekan Lama, Brunei.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Tetap untuk tahun 1964 yang

telah di-lantek dalam Mashuarat Agong BAKTI baharu2 ini adalah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadar. Naib Yang Dipertua — Awangku Mahmud bin Pengiran Damit.

Setia Usaha Agong — Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit. Naib Setia Usaha Agong — Awangku Jamaluddin bin Pengiran Umar Bendahari — Awangku Zaidi bin Pengiran Mohammad.

Setia Usaha Penerangan — Awangku Daud bin Pengiran Damit, Setia Usaha Sosial —

Awangku Said bin Pengiran Md. Salleh. Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan — Awangku Hassan bin Pengiran Yusof. Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Awang Abdul Rahman bin Bujang.

Pembantu2 Umum — Awang Nordin bin Haji Kasah, Dayangku Armah binti Pengiran Bakar, Awangku Halus bin Pengiran Haji Kadar, Dayangku Armah binti Pengiran Damit, Awangku Bakar bin Pengiran Abdul Rahman, Dayangku Aisah binti Pengiran Said dan Pengiran Metusin bin Pengiran Md. Salleh.



Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Tetap, Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei bagi Tahun 1964 bergambar ramai sa-lepas di-adakan mashuarat-nya pada 7 Ogos, 1964. Gambar Awangku Daud Pengiran Damit.

KERJA - KERJA KOSONG

Bidan2 Pelajar

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakkan2:

Mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu, atau yang setaraf dengannya, dan mempunyai kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu pasar.

Umur pada tarikh di-lantek hendak-lah di-antara 18 — 40 tahun. Mesti-lah belum kahwin semasa pengambilan.

Chalon2 yang terpilih akan di-kehendaki menjalani satu kursus latehan selama 2 tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Umum, Bandar Brunei.

Sa-telah tamat tempoh telahan selama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalani kursus dengan memuaskan boleh jadi akan di-berhentikan.

SAKIRA-NYA MENGANDONG . . .

Sekira-nya bidan2 pelajar di-dapati mengandong semasa menjalani latehan, mereka boleh jadi akan di-berhentikan dari perkhidmatan mereka.

Bidan2 pelajar akan di-kehendaki lulus satu peperiksaan sa-lepas tamat kursus latehan itu.

Tugas2 sa-lepas latehan:

Sa-lepas lulus dalam pereriksaan tersebut, mereka mungkin akan bekerja di-bawah jagaan selama satu tahun.

Sa-lepas itu, atau pun sebelumnya, jika perlu, mereka akan di-tempatkan di-klinik2 luar bandar untuk menjalankan tugas tetap.

Ini-lah tujuan latehan bidan2 pelajar tersebut; dan semua pemohon2 di-kehendaki menyatakan dalam permohonan atau pun bersama2 permohonan mereka itu, di-kawasan Kampung manakah mereka bersedia untuk men-

jalani tugas tetap sa-lepas mereka sudah lulus.

Mereka akan bekerja di-klinik2 khas yang di-dirikan untuk mereka, bersama2 dengan tempat kediaman yang elok.

Tingkatan gaji:

Bidan Pelajar — \$152 sa-bulan.

Bidan Terlateh — \$183x7-211-220x10-2601280-290-300.

Bidan Terlateh — \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Bidan Kanan—\$350 -370-380-20-480.

Bidan2 pelajar yang di-lantek di-bawah ranchangan ini adalah berhak mendapat pakaian seragam perkhidmatan dan alaon dobi.

Bidan2 Terlateh ada-lah ber-

hak di-naikkan pangkat menjadi Bidan Kanan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 September, 1964.

POSMEN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei untuk memenohi jawatan posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

KELAYAKKAN2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berkeputusan Darjah VII Sekolah Melayu.

(b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji E. 2 F. 2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240.

Pemohonan2 mesti-lah di-di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 24 September, 1964.

ATENDAN MAKMAL

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei untuk memenohi jawatan Atendan Makmal di-dalam Ranchangan Membasmi Malaria (Jabatan Perubatan dan Kesehatan Brunei).

KELAYAKKAN2:

Mesti-lah pandai bertutur dalam bahasa Melayu dan kebolehan berbahasa Inggeris serba sedikit ada-lah satu keutamaan.

TUGAS2:

Menjaga perkakas dan bekalan makmal supaya berada dalam

keadaan yang baik.

Menjalani tugas2 lain seperti di-kehendaki sebagai sa-orang atendan makmal.

SUKATAN GAJI:

F. 2-3-4-5-6-7 = \$152x3-158-160-180x4-212.

E.2 — \$211-220x10-240.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakkan persekolahan dan penga'aman jika ada.

Pemohonan2 yang mesti di-di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 22 September, 1964.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI ANJORAN P. M. K. T. MEMPEROLEHI KEJAYAAN

KERIAM. — Perlumbaan berjalan kaki jarak jauh yang telah diadakan pada julong2 kali di-Daerah Tutong di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam pada pagi hari Ahad 30 Ogos, telah memperolehi kejayaan yang baik.

Seramai 240 orang lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut, ia-itu 145 orang dari Daerah Brunei, 89 orang dari Daerah Tutong dan 6 orang dari Daerah Belait.

Perlumbaan untuk peserta2 lelaki ia-lah sa-jauh 10 batu ia-itu dari satu kawasan di-Kuala Tutong hingga ka-kawasan Dewan Persatuan Melayu Keriam. Peserta2 perempuan telah berjalan sa-jauh 5 batu ia-itu dari kawasan berhampiran dengan Istana Pantai hingga ka-kawasan dewan persatuan tersebut.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 sa-lepas selesai perlumbaan itu.

Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian orang2 dewasa lelaki: Johan — Jait bin Hitam dari Kampung Keriam, Tutong. Masa-nya ia-lah 1 jam, 33 minit. Naib Johan — Apeng Laman dari Pejabat Perubatan, Bandar Brunei dan Pemenang Ketiga — Chia Sin Meng dari Sekolah Saint Andrews, Bandar Brunei.

Bahagian Kanak2 lelaki yang berumur 16 tahun ka-bawah: Pertama — Alias bin Bakir dari Sekolah Melayu Keniam, Tutong. Masa-nya ia-lah 1 jam, 34 minit. Kedua — Tahamit bin Paman dari Sekolah Melayu Sengkuring dan Pemenang Ketiga — Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Bahagian perempuan: 1. Dayangku Zauiyah binti Pengiran Juba dari Sekolah Melayu Sengkuring. Masa-nya ia-lah 1 jam, 18 minit, 26 sa'at. 2. Luyah binti Hitam dari Keriam, Tutong dan 3. Judah binti Naim dari Sekolah Melayu Sengkuring.

Bahagian Pasokan2 (ia-itu terbuka kepada pasokan2 dari Daerah Tutong sahaja): Johan — Pasokan Sekutu Penanjong. Naib Johan — Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Pemenang Ketiga — Pasokan Persatuan Melayu Luagan Dudok dan Pemenang Ke-empat — Pasokan Pemuda Pemuda Penanjong.

Awang Mustapha bin Tahir dari Persatuan Pemuda Pemuda Penanjong telah di-berikan hadiah khas sebagai pelumba berpasokan yang pertama sekali sampai di-tempat penghabisan perlumbaan berjalan kaki itu.



Pegawai Daerah Brunei, Awang Ali bin Awang Besar kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada wakil Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan Sepak Raga Jaring antara Maktab2 dan Sekolah2 dalam Kumpulan "A" di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 20 Ogos.

PERLAWANAN SEPAK RAGA BULATAN

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan Sepak Raga Bulatan akan di-jalankan di-sini tidak berapa lama lagi, sa-chara keliling 3 kali pusingan. Perlawanan itu di-adakan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, sebagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Tiap2 Persatuan, Kelab, Jabatan, Sekolah dan Maktab hanya di-kehendaki menghantar satu pasukan sahaja yang terdiri dari 6 orang pemain dan 2 orang simpanan.

Borang2 mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut bolehlah di-perolehi dari Setia Usaha, Perlawanan Sepak Raga bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M., d/a Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei.

Wakil2 pasokan di-minta menghantarkan borang2 itu kepada Setia Usaha perlawanan tersebut tidak lewat dari 10 September, 1964.

LUMBA BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Pelumba2 basikal di-negeri ini ada-lah di-jemput mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal bagi merayakan hari pembukaan bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Bayaran pendaftaran masuk berlumba ia-lah \$1 pada tiap2 perlumbaan. Tarikh penutup pendaftaran ia-lah 15 Oktober, 1964.

Pelumba2 di-Daerah Brunei, Tutong dan Temburong bolehlah menghantar borang2 itu kepada Awang Abdul Rahman bin Yusof, d/a Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei. Penerima borang2 tersebut dari perlumba2 Belait ia-lah Awang Abdul Hamid bin Monin, d/a Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan penerima borang2 itu dari perlumba2 di-Seria ia-lah Awangku Mustapha bin Pengiran Metassan, d/a Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Maktab S.O.A.S. Gondol Hadiah2 S.R.J. Maktab2 dan Sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah menggondol hadiah2 kejohanan perlawanan Sepak Raga Jaring antara Maktab2 dan Sekolah2 di-Negeri Brunei baharu2 ini.

Dalam perlawanan Kumpulan "A" yang telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 20 Ogos, Maktab S.O.A.S. telah menjadi johan dan Sekolah Melayu Delima I, Bera-kas menjadi naib johan.

Hadiah2 telah di-sampaikan

oleh Pegawai Daerah Brunei, Awang Ali bin Awang Besar.

Dalam perlawanan Kumpulan "B" yang telah di-langsungkan di-Kawasan Tennis, Bandar Brunei pada petang 25 Ogos, Maktab S.O.A.S. telah menjadi johan dan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut menjadi naib johan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

S.R.J. ANJORAN P.G.G.M.B.:

JOHAN "A" — SRJIP JOHAN "B" — BOMBA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sepak Raga Jaring anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sebagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-mulai sejak 31 Julai, telah selesai di-jalankan pada 28 Ogos.

Pasokan "A" Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) dan

Pasokan "B" Bomba, sebagai mana yang di-beritakan dalam siaran akhbar ini pada 19 Ogos, 1964 bahawa mereka belum lagi dapat "mengibarkan bendera putih", ia-itu sebagai tanda kekalahan, telah berhasil dalam chita2 mereka untuk "menang dan terus menang" dalam perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut.

Keputusan penoh perlawanan itu ada-lah seperti di-bawah ini:

PASOKAN "A": Johan — SRJIP 22 mata. Naib Johan — M.P.M.B. 20 mata. Pemenang Ketiga — Maktab S.O.A.S. 16 mata dan seterusnya KUBU 14 mata, Bomba 12 mata, Perubatan 12 mata, SPKS 11 mata, BAKTI 8 mata, Letrik 4 mata dan Pulis 3 mata.

PASOKAN "B": Johan — Bomba 24 mata. Naib Johan — SRJIP 22 mata, Pemenang Ketiga — IPLB 20 mata, dan seterusnya SOAS 18 mata, Perubatan 14 mata, AMB 13 mata, BAKTI 12 mata, MPMB 11 mata, KUBU 10 mata, Letrik 4 mata dan Pulis 3 mata.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 September hingga ka-hari Selasa 15 September, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
2	4.40	4.55	6.13	12.24	3.44	6.31	7.43
3	4.40	4.55	6.13	12.24	3.44	6.30	7.43
4	4.40	4.55	6.13	12.24	3.44	6.30	7.43
5	4.40	5.54	6.13	12.23	3.43	6.29	7.42
5	4.40	4.54	6.12	12.23	3.43	6.29	7.42
7	4.39	4.54	6.12	12.22	3.42	6.28	7.41
8	4.39	4.54	6.12	12.22	3.42	6.28	7.41
9	4.39	4.54	6.12	12.22	3.42	6.28	7.41
10	4.39	4.54	6.12	12.22	3.42	6.27	7.40
11	4.39	4.54	6.12	12.22	3.42	6.27	7.40
12	4.39	4.54	6.12	12.21	3.41	6.26	7.39
13	4.38	4.53	6.11	12.21	3.41	6.26	7.39
14	4.38	4.53	6.11	12.21	3.41	6.26	7.39
15	4.38	4.53	6.11	12.21	3.41	6.26	7.39

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. Ranchangan2 Berjalan Giat

BANDAR BRUNEI. — Urusan2 sekarang sedang berjalan dengan giat-nya di-sini dan akan menjadikan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-48 tahun ini lebih meriah dari tahun2 yang sudah.

Berbagai2 acara yang baharu, selain dari acara2 yang biasa di-buat, telah pun di-ranchang dan persediaan2 sedang di-selenggarakan.

Antara acara2 baharu itu termasuklah peraduan2 "Bintang Keputeraan", lagu2 Melayu Asli Brunei,

LUMBA KERETA:

Eighme Menang Piala Kurniaan D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — H.E. Eighme dari Setia telah memenangi piala Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam satu perlumbaan kereta yang telah diadakan di-sini pada 30 Ogos lepas.

Perlumbaan tersebut telah di-anjurkan oleh "The Brunei State Motor Club", sa-bagai salah satu acara sambutan perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini. Eighme yang telah memandu kereta Corvette, berjaya mengejar masa yang paling ccepat sa-lama 39.4 sa'at sa-jauh tiga kali pusing dalam jarak lebih 1½ batu.

Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera memandu kereta spot M.G.A., mendapat tempat pertama dengan masa 32.7 sa'at. Yang Kedua Abdul Jalil bin Dato Marsal dengan keretanya Triumph Spot, dan ketiga Isa bin Dato Haji Ibrahim dengan keretanya Volvo.

Isteri Abdul Rahman bin Rahmat dari Kuala Belait, peserta wanita yang tunggal, telah memenangi sa-buah hadiah khas.

Sa-ramai 15 pemandu2 kereta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, yang telah turut serta menyaksikan perlumbaan tersebut telah menyampaikan hadiah2.

Peraduan Lagu2 Melayu Asli Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan lagu2 Melayu Asli Brunei akan di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini.

Peraduan ini terbuka kapada ramai di-seluruh negeri.

Sa-siapa yang akan memasuki peraduan ini boleh-lah mendapatkan borang2 masuk bertanding dari Awang Sablee bin Haji Metusin d/a Jabatan Laut, Bandar Brunei, atau di-pejabat2 Pegawai Daerah di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

Borang2 yang sudah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Awang Sablee tidak lewat dari 10 September, 1964.

Lagu2 yang akan di-pertandingkan itu ia-lah — Sha'er tam-bang, Dundang Si-Jafar, Anding, dan Samalindang.

Tarian Twist, dan "pertunjukan tali-visin".

Satu rombongan khas yang di-datangkan dari luar negeri ada-lah di-jangka akan bersama2 menyumbangkan derma bakti untuk menambatkan lagi meriah-nya sambutan tersebut.

Tumpuan perayaan2 itu nanti akan berpusat di-Padang Besar Bandar Brunei apakala upacara malam aneka warna mulai mengambil tempat-nya pada 23 September.

Malam aneka warna di-padang itu di-jangka akan berjalan terus berturut2 sa-lama lima malam.

Perlumbaan kereta yang telah berlangsung baharu2 ini ada-lah salah satu acara2 sambutan Hari Keputeraan yang di-jalankan, dan pada 6 September ini peraduan tarian twist, bertempat di-Pangpong Boon Pang Baharu, Bandar Brunei, akan di-adakan.

Ramai peserta2 telah pun mendaftarkan nama mereka.

Kemudian pada 22 September, pertandingan untuk merebut gelaran "Awang Brunei" dan "Dayang Brunei" akan di-langsungkan.

Perlumbaan basikal juga di-jangka akan berlangsung pada hari itu, mulai jam 8.00 pagi.

Sambutan Hari Keputeraan yang rasmi akan di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada 23 September, apakala upacara perbarisan kehormatan di-adakan dengan penoh terator dan meriah.

Pada malam-nya akan di-adakan pula istiadat pembukaan rasmi malam aneka warna di-padang itu juga.

Antara upacara2 di-padang itu termasuklah pertunjukan2 sandiwara pentas, tarian2 dari berbagai2 kebudayaan yang ada di-Brunei, persembahan2 lawak jenaka dan tablo.

Acara2 pada siang hari termasuklah sokan2 darat dan laut, seperti lomba perahu dan go-kart.

PERADUAN "BINTANG KEPUTERAAN"

BANDAR BRUNEI. — Peraduan "Bintang Keputeraan" akan di-adakan pada tahun ini sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-48.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei, dan pemilihan bagi peserta2 untuk ka-peraduan akhir akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu RIF.

Jawatan Kuasa pemilihan Bintang Keputeraan mengumumkan, peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada semua lapisan penduduk2 dalam lingkungan Daerah2 Bandar Brunei, Muara, Tutong dan Temburong.

Peraduan itu di-bahagi kapada empat bahagian — lelaki dewasa, perempuan dewasa, kanak2 lelaki, dan perempuan.

Sharat2 yang di-tentukan ada-lah seperti berikut: —

Peserta orang2 dewasa hendak-lah berumur 14 tahun ka-atas pada 23 September, 1964.

Peserta kanak2 hendak-lah berumur 14 tahun ka-bawah pada 23 September, 1964.

Piala rebutan akan di-berikan kapada johan2 Bintang Keputeraan lelaki dan perempuan dewasa sahaja.

Lagu2 akan di-sediakan oleh jawatan kuasa ini, dan di-umumkan melalui Radio Brunei.

Johan dan naib johan Bintang2

Y. A. B. Dato Seri Paduka Marsal Letak Batu Asas Pejabat Ugama



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal Lin Ma'un, Menteri Besar, Brunei telah meletakkan Batu Asas, bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei pada pagi 20 Ogos, 1964. Bangunan itu, di-bena berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei, akan memakan perbelanjaan kira2 \$1,200,000 dan akan siap di-bena dalam masa sepuluh bulan. GAMBAR ATAS: Y. A. B. Dato Seri Paduka Marsal (kanan) menyempurnakan istiadat tersebut. Di-sobelah beliau ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin. GAMBAR BAWAH: Gambar ini di-ambil pada masa di-adakan bache'an Do'a Selamat di-majlis tersebut.



Radio bahagian langgam dan asli tidak akan di-terima masuk bertanding.

Jawatan kuasa tersebut akan menjemput antara Bintang2 Radio untuk menyumbangkan nyanyian2 merdu mereka pada malam mengadakan peraduan Bintang Keputeraan itu.

Borang2 untuk masuk bertanding boleh-lah di-dapati dari Awang Muslim Burmat d/a Pejabat Tanah Bandar Brunei, atau Ak. Jadid Pg. Umarali d/a Pejabat Kerja Raya atau dari

Awang Ibrahim Hj. Mohd. Salleh d/a Setor Pejabat Laut, Bandar Brunei.

Bagi daerah2, borang2 tersebut boleh-lah di-dapati dari pejabat2 Daerah Muara, Tutong dan Temburong.

Borang2 yang sudah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Awang Ibrahim bin Haji Mohd. Salleh (Pengerusi) d/a Setor Pejabat Laut, Bandar Brunei tidak lewat dari 10 September.

Sambutan2 Hari Jadi D. Y. M. M. Di-Kuala Belait Dan Setia

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-kawasan Kuala Belait dan Setia akan meraikan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun ini berturut2 sa-lama lapan hari mulai 20 September akan datang.

Perayaan di-Seria akan di-adakan pada 20, 21 dan 22 September, manakala dari 23 hingga 27 September perayaan2 akan di-adakan di-Kuala Belait.

Sa-banyak lebih dari 20 jenis acara, termasuk peraduan2 tarian, nyanyian, bakhath, dan sharahan, sokan laut dan darat, dan juga perarakan berchuchul laut dan darat akan di-adakan.

Perlawanan bola sepak, pakaian beragam juga akan di-adakan sa-bagai salah satu kemuncak sambutan2 di-bahagian Belait.

Sa-lain dari itu pertunjukan bunga anggerik, peraduan Awang Setia, dan peraduan tinju juga akan di-adakan dalam temasha sambutan di-Seria.

Perlumbaan go-kart dan pertunjukan kesehatan kanak2 (baby show) juga akan di-adakan dalam salah satu upacara di-Kuala Belait.

Peraduan berchuchul bagi semua peringkat rumah2 dan bangunan, juga di-adakan sa-panjang perayaan itu berjalan.

Sementara itu di-Pekan2 Tutong dan Temburong juga di-adakan ranchangan masing2 untuk sambutan Hari Keputeraan tahun ini.